

e-mel anda

emelanda@mediaprima.com.my



SETIAP ISNIN

Anda ada pendapat? Luahkan dengan mengirimmnya ke emelanda@mediaprima.com.my. Sertakan nama penuh, alamat, no telefon. Komen akan disiarkan setiap Isnin.

■ Peningkatan kes jenayah remaja menuntut perhatian serius

Kembali kepada agama

Era teknologi maklumat semakin meledak seiring dengan kehidupan Gen Y yang hidup dalam kemewahan teknologi berkenaan.

Hal ini membimbangkan masyarakat termasuk negara dengan kadar jenayah semakin kronik dan serius. Perkara ini dilihat sangat berleluasa tanpa sekatan. Masyarakat perlu cakna dengan masalah ini dengan mengambil inisiatif bagi membantu mengurangkan kadar jenayah di negara kita.

Indeks jenayah remaja meningkat terutama kes rogol yang melibatkan remaja bawah umur.

Menurut Ketua Polis Melaka Datuk Chuah Ghee Lye,

kes jenayah seksual atau rogol membabitkan pelajar dilaporkan meningkat hampir sekali ganda iaitu sebanyak 42 peratus pada 2013, berbanding 23.6 peratus pada tahun sebelumnya.

Pengaruh rakan sebaya antara punca berleluasanya kegiatan jenayah dalam kalangan pelajar dan remaja.

Ini berikutan mereka lebih banyak menghabiskan masa bersama di sekolah dan selepas pulang dari sekolah mereka berkumpul di tempat tertentu sebelum pulang ke rumah.

Remaja di peringkat umur ini mudah terikat dengan pengaruh rakan sebaya masing-masing.

Keinginan mencuba sesuatu yang baru memberi pengaruh kuat kepada mereka tanpa memikirkan sa-

ma ada kesannya positif atau negatif.

Faktor perkembangan teknologi maklumat juga mempengaruhi peningkatan kadar jenayah di Malaysia.

Internet menjadi medium penyebaran unsur lucah terutamanya dalam kalangan generasi muda yang dahagakan pengetahuan seks.

Filem dan gambar pornografi boleh didapati dengan menekan butang carian dan semua yang dikehendaki terpampang di depan mata.

Contoh lain melalui rancangan realiti TV yang banyak berunsurkan seks melalui pakaian artis yang menjolok mata sehingga menaikkan nafsu remaja.

Faktor ketiga adalah ku-

rang perhatian ibu bapa. Berikutan sibuk terhadap kerja dan mencari harta, ibu bapa tidak mengambil endah apa yang dilakukan anak masing-masing.

Anak-anak diserahkan kepada pembantu rumah untuk memantau perlakuan mereka.

Perhatian dan kasih sayang sangat dituntut kerana oleh anak kerana melalui komunikasi yang efektif, anak boleh berkongsi masalah mereka.

Dalam hal ini ibu bapa perlu disalahkan kerana terlalu sibuk mengejar kejayaan dunia sehingga lupa akan tanggungjawab ke atas anak masing-masing.

Faktor kekurangan didikan agama juga menjadi salah satu faktor yang penting untuk dinilai.

Pada asasnya setiap manusia yang dilahirkan ke dunia perlu diberi didikan agama, namun ilmu yang ada tidak diamalkan dengan sempurna.

Ilmu agama yang diamalkan memberi manfaat kepada diri sendiri kerana dengan menghayati ilmu agama berteraskan al-Quran dan Hadis, seseorang dapat berfikir dengan waras sama ada perkara yang dilakukan akan memudaratkan atau memberi kebaikan.

Seseorang yang mengamalkan ilmu agama tidak akan melakukan jenayah kerana syariat Islam mengajar manusia untuk tidak menyakiti orang lain dan mem-

buat kerosakan.

Jika kerajaan dapat menguatkuasakan undang-undang yang sudah digariskan dalam al-Quran dan Hadis dengan melaksanakan sistem Hudud di Malaysia, masyarakat akan dapat mengambil iktibar di atas hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah mengikut cara perundangan yang dituntut oleh agama kita iaitu memelihara hak, mencegah penganiayaan dan menghindar jenayah.

Malah, ia menyelamatkan masyarakat daripada terjebak dalam pengaruh jenayah dan kemungkaran yang boleh merosakkan tamadun atau peradaban manusia.

Ain Latifah Md Isa
Universiti Sains Islam Malaysia,
Nilai

FAKTA
Jenayah seksual membabitkan pelajar meningkat 42 peratus pada 2013 berbanding 23.6 peratus tahun sebelumnya